



# PENGLIBATAN AHLI AKADEMIK TERHADAP PENGAJARAN HADITH

Amran Abdul Halim, Shumsudin Yabi, Mesbahul Hoque  
Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

## Abstract

This study aims to identify the involvement of academicians on the teaching of the hadith. The contribution of the academic to the teaching of the hadith is indispensable in expounding the meaning of al-Sunnah as a second source of Islamic law. This study selected academicians from several universities including the University of Malaya, the National University of Malaysia, the Islamic Science University of Malaysia and the International Islamic University; in which they are all involved in various fields of Islamic Studies. The method used in this study is a questionnaire which is group sampling. The author distributed the questionnaire to the academic staff at the university. Based on this descriptive analysis of the questionnaire, it can be concluded that the academicians involved, played a significant role in raising the awareness on the important of Sunnah. They also contribute to the expanding of communities in understanding the hadith and used multiple rooms as their premises such as universities, mosques, surau and others. This shows that most academicians have good knowledge in relation to the study of hadith. Therefore, they are among the most suitable to be used as references to the community in solving the problems of Sunnah and bid'ah, especially the academicians who are experts in the field of hadith.

**Kata Kunci** : Questionnaires, al-Sunnah, taqirir, sample, population

## Article Progress

Received: 12 Mac 2019  
Revised: 20 May 2019  
Accepted: June 2019

\*Corresponding Author:  
Amran Abdul Halim, Fakulti  
Pengajian Quran Sunnah,  
Universiti Sains Islam Malaysia.  
Email:  
amranabdulhalim@usim.edu.my

## 1.0 PENDAHULUAN

Menurut ulama' hadith, hadith atau *al-Sunnah* ialah sesuatu yang dilaporkan daripada Nabi Muhammad SAW dari sudut perkataan, perbuatan, *taqirir*<sup>1</sup>, sifat-sifat fizikal, akhlak<sup>2</sup>, sirah perjalanan atau riwayat hidup Nabi SAW sama ada sebelum dibangkitkan menjadi rasul<sup>3</sup> atau selepasnya<sup>4</sup>. Terdapat juga satu ciri lagi kepada *al-Sunnah* menurut ulama' hadith, iaitu sama ada ia memberi implikasi kepada hukum syara' atau sebaliknya<sup>5</sup>. Maksudnya hukum syara' bukanlah syarat atau suatu perkara yang perlu dimasukkan dalam takrif *al-Sunnah* menurut ulama' hadith, bukan seperti takrif *al-Sunnah* yang dikemukakan oleh ulama' usul fiqh<sup>6</sup>.

Takrif *al-Sunnah* menurut jumhur ulama' hadith adalah sama dengan takrif *al-Hadith*. Menurut pandangan mereka, *al-Sunnah* lebih menitikberatkan kepada segala apa yang dilaporkan daripada Nabi Muhammad SAW sebagai seorang manusia yang dipilih yang menjadi contoh terbaik untuk seluruh manusia. Laporan tersebut sama ada berupa perwatakan, keperibadian, sirah (sejarah hidup),

<sup>1</sup> Iaitu persetujuan atauakuan/pengehasan

<sup>2</sup> Iaitu pewatakan dan pembawaan

<sup>3</sup> Antaranya ketika Rasul Allah SAW berkhawat dan beribadat dalam gua Hira'

<sup>4</sup> Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *Al-Sunnah qabl al-Tadwin*, c. 2 (Beirut: Dar al-Fikr, 1981), 16.

<sup>5</sup> Abu Yusuf Sulayman, *Al-Mustalahat al-Hadithiyah* (t.t.p: Al-Ma'had al-Dawli li al-Bunuk wa al-Iqtisad al-Islami, t.t.), 17.

<sup>6</sup> Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi, *Ittijahat fi Dirasat al-Sunnah Qadimuha wa Hadithuha* (Bangi: Dar al-Shakir, 2011), 186.



percakapan, perbuatan dan semua yang berkaitan dengan Nabi Muhammad SAW itu sendiri tanpa melihat sama ada ia mempunyai implikasi hukum atau tidak<sup>7</sup>.

Manakala menurut ulama' *Usul al-Fiqh, al-Sunnah* ialah sesuatu yang ditimbulkan oleh Nabi SAW selain daripada al-Qur'an sama ada perkataan, perbuatan atau *taqrir* yang sesuai dijadikan dalil bagi hukum-hukum syara'<sup>8</sup>. Menurut al-Syatibi, *al-Sunnah* ialah dalil-dalil syara' daripada al-Qur'an, daripada Nabi SAW atau ijtihad sahabat seperti mengumpulkan mashaf dan lain-lain, iaitu setiap yang berlawanan dengan bid'ah<sup>9</sup>, sabda Nabi SAW :

عَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ مِنْ بَعْدِي<sup>10</sup>

Maksudnya: "Hendaklah kamu berpegang dengan sunnahku dan sunnah *al-Khulafa'* *al-Rasyidin* selepasku".

Mengikut istilah ulama' fiqh, *al-Sunnah* ialah setiap ibadat sunat yang dilakukan oleh Nabi SAW, iaitu selain daripada ibadat-ibadat yang diwajibkan atau difardukan ke atas umat Islam<sup>11</sup>.

Takrif *al-Sunnah* seperti yang dinyatakan oleh para *ahl al-Hadith* adalah lebih tepat kerana skopnya lebih luas, iaitu merangkumi segala apa yang dilakukan oleh Nabi SAW sama ada sebelum Baginda SAW dilantik menjadi rasul atau pun sesudahnya, dan juga ia merangkumi syariat daripada al-Qur'an<sup>12</sup>. Hadith adalah merupakan sumber perundangan Islam yang kedua selepas al-Qur'an dan ini telah disepakati oleh semua ulama'. Para fuqaha' dari kalangan sahabat semuanya kembali merujuk kepada hadith Rasul Allah SAW apabila menerangkan makna kandungan al-Qur'an sesuai kedudukannya sebagai sumber kedua syariat Islam. Hadith-hadith Rasulullah SAW menerangkan serta memperincikan lagi segala hukum-hukum dan perundangan yang terdapat dalam al-Qur'an.

Oleh yang demikian, semua masyarakat Islam yang dianggap sebaik-baik umat, iaitu umat Nabi Muhammad SAW, tanpa mengira bangsa, keturunan, pangkat atau warna kulit, diseru supaya patuh dan taat terhadap apa-apa yang telah disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW, sama ada *al-Sunnah* itu merupakan wahyu ataupun ijtihad Nabi SAW, sebagaimana yang dapat difahami dari maksud firman Allah S.W.T.:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ، إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ

<sup>7</sup> Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *Usul al-Hadith: Ulumuh wa Mustalahuh*, c. 4 (Beirut: Dar al-Fikr, 1981), 25. 'Izz al-Din Baliq, *Minhaj al-Salihin min Ahadithi wa Sunnati Khatam al-Anbiya' wa Mursalin* (Kaherah: Maktabah al-Zahra' lil Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi', t.t.), 2:14.

Antara ulama' yang dikatakan pakar dalam hadith ataupun *al-Sunnah*, antaranya ialah Sufiyan al-Thawri yang dikatakan pakar dalam hadith tetapi tidak bagi *al-Sunnah*, al-Awza'i dikatakan pakar dalam hal-hal mengenai *al-Sunnah* namun sebaliknya bukan pakar hadith, manakala Imam Malik adalah pakar bagi kedua-duanya. Muhammad 'Ajjaj, *Usul al-Hadith*, 26.

<sup>8</sup> *Ibid.*, 26.

<sup>9</sup> Ibrahim ibn. Musa al-Syatibi, *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1991), 4:3. Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *Al-Sunnah qabl al-Tadwin* (Dimasyq: Dar al-Fikr, 1981), 18.

<sup>10</sup> Sulayman ibn al-Asy'as Abu Dawud al-Sijistani, Kitab al-Sunnah, no. hadith 4607. Lihat Abu Dawud, Sulayman ibn al-Asy'ath ibn Ishaq al-Azdi al-Sijistani, *Sunan Abu Dawud* (Beirut: Dar Ihya' al-Sunnah al-Nabawiyah, t.t.), 4:200. Muhammad ibn 'Isa al-Tirmidhi, Kitab al-'Ilm, no. hadith 2685. Al-Tirmidhi berkata: "Hadith ini adalah *hasan sahih*". Lihat Muhammad ibn 'Isa al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi* (Beirut: Dar al-Fikr, 1994), 4:308. Muhammad ibn Yazid ibn Majah al-Qazwini, Al-Muqaddimah, no. hadith 42. Lihat: Ibn Majah, Muhammad ibn Yazid al-Qazwini, *Sunan Ibn Majah* (Al-Qahirah: Dar al-Hadith 1994), 15. Hadith ini ialah hadith yang diriwayatkan oleh al-'Irbad ibn al-Sariyah.

<sup>11</sup> 'Abd al-Karim Zaydan, *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1987), 16.

<sup>12</sup> Amran bin Abdul Halim, *Hadith-hadith berkaitan Bid'ah: Analisis terhadap hadith-hadith Sunan al-Sittah*. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007), 21.



Maksudnya: "Dan dia (Muhammad) tidaklah memperkatakan melalui hawa nafsu semata-mata, melainkan ia adalah wahyu yang diutuskan kepadanya." Surah *al-Najm* (53): 3-4

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا

Maksudnya: "Segala apa yang dibawa oleh Rasul hendaklah kamu ambil, dan segala yang dilarang olehnya maka hendaklah kamu jauhinya." Surah *al-Hasyr* (59): 7

Justeru, sumbangan ahli akademik terhadap pengajian hadith juga amat diperlukan agar umat Islam dapat mengenali *al-Sunnah* secara lebih dekat dan dapat memahami hadith-hadith Rasul Allah SAW.<sup>13</sup> Jika usaha ini tidak dilakukan, maka para pelajar dan masyarakat Islam kurang terdedah dengan pengajian hadith dan seterusnya kurang berpengetahuan dalam bidang tersebut. Jika para pelajar di institusi-institusi pengajian dan masyarakat Islam amnya kurang pengetahuan dalam bidang hadith, akan menyebabkan mereka tidak mengenali Sunnah-Sunnah Nabi SAW dan seterusnya tidak menghayati kecintaan mereka terhadap Rasulullah SAW.

## 2.0 METOD DAN SKOP KAJIAN

Soal selidik telah diedarkan kepada ahli-ahli akademik dalam bidang pengajian Islam di empat buah IPTA iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Di Universiti Malaya, ia melibatkan Akademi Pengajian Islam (APIUM) dan Universiti Malaya cawangan Nilam Puri, Kelantan. Terdiri daripada bidang Usuluddin dan Syariah yang terbahagi kepada beberapa jabatan seperti Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Sejarah dan Tamadun Islam, Dakwah dan Pembangunan Insan, Akidah dan Pemikiran Islam, Syariah dan Pengurusan, Syariah dan Ekonomi, Fiqh dan Usul, Syariah dan Undang-Undang dan Siyasah Syar'iyah. Manakala di UKM ia melibatkan Fakulti Pengajian Islam (FPI) yang terdiri daripada Jabatan Al-Qur'an dan Al-Sunnah, Usuluddin dan Falsafah, Syariah, Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Pengajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam dan Unit Bahasa Arab. Di USIM pula, ia melibatkan pensyarah dari Fakulti Pengajian Qur'an dan Sunnah (FPQS), Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP). Manakala UIA, ia melibatkan Fakulti Ilmu Wahyu iaitu Jabatan Al-Qur'an dan Al-Sunnah, Jabatan Fiqh dan Usul, Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, Jabatan Bahasa Arab dan Jabatan Pengajian Umum.

Dalam soal selidik kajian, terdapat dua skala utama yang digunakan iaitu skala dikotomi (Ya atau Tidak). Untuk skala dikotomi ini, penyelidik menggunakan nilai koefisien *Kuder Ricardson* (K-R 20).

Berikut adalah jumlah populasi dan jumlah serta peratus dari keseluruhan responden yang menjawab soal selidik bagi setiap universiti<sup>14</sup>:

**Jadual 1: Jumlah Populasi dan Soal Selidik Yang Di Kutip**

| NAMA UNIVERSITI                   | UM | UKM | UIA | USIM |
|-----------------------------------|----|-----|-----|------|
| JUMLAH POPULASI                   | 86 | 104 | 67  | 69   |
| BILANGAN SOAL SELIDIK YANG DIEDAR | 86 | 104 | 67  | 69   |


<sup>13</sup> Yahya, Muhammad Arif. "Sumbangan Ahl Al-Hadith Dan Peranannya Dalam Membangun Ketamadunan Islam." *Journal Of Hadith Studies* 1, no. 1 (2016).

<sup>14</sup> Amran bin Abdul Halim: *Konsep Bidaah Menurut Hadith-Hadith al-Kutub al-Tis'ah: Kajian Persepsi Dalam Kalangan Ahli akademik di IPTA di Malaysia* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).



|                                  |      |       |       |       |
|----------------------------------|------|-------|-------|-------|
| <b>JUMLAH YANG DAPAT DIKUTIP</b> | 52   | 42    | 29    | 27    |
| <b>PERATUS</b>                   | 60.4 | 40.38 | 43.28 | 39.13 |

Rajah 1: Jumlah populasi dan soal selidik



Sumber: Soal Selidik

Jumlah populasi bagi empat buah universiti tersebut adalah sebanyak 326 responden, tidak termasuk ahli akademik dari luar negara. Kajian hanya melibatkan ahli akademik dalam negara sahaja, iaitu warganegara Malaysia. Manakala jumlah keseluruhan responden yang menjawab soal selidik tersebut ialah sebanyak 150. Oleh itu, saiz sampel kajian ini adalah 150 responden, iaitu 46.01 peratus dari jumlah keseluruhan populasi. Menurut Idris Awang, saiz sampel sebaik-baiknya hendaklah sekurang-kurangnya menyamai 30 peratus dari jumlah keseluruhan populasi<sup>15</sup>. Oleh itu, 30 peratus dari populasi yang berjumlah 326 responden adalah menyamai 98 responden. Saiz sampel yang diperlukan dalam kajian ini hendaklah sekurang-kurangnya 98 responden. Jadual di atas menunjukkan saiz sampel bagi setiap universiti dan keseluruhannya melebihi dari yang telah ditetapkan ini<sup>16</sup>.

### 3.0 KEPUTUSAN ANALISIS ITEM-ITEM

<sup>15</sup> Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam* (Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009), 85.

<sup>16</sup> Amran bin Abdul Halim: *Konsep Bidaah Menurut Hadith-Hadith al-Kutub al-Tis'ah: Kajian Persepsi Dalam Kalangan Ahli akademik di IPTA di Malaysia* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).



Soal selidik ini mempunyai tiga pernyataan untuk mengenalpasti sumbangan dalam bentuk penulisan ilmiah dalam pengajian hadith. Oleh itu, skala yang digunakan untuk bahagian ini sahaja adalah skala dikotomi (Ya / Tidak).


### 1. Pengajaran di IPTA atau mana-mana institusi pengajian

**Jadual 1** Taburan Kekerapan Item B5

|       | KEKERAPAN | PERATUS | PERATUS SAH | PERATUS KUMULATIF |
|-------|-----------|---------|-------------|-------------------|
| TIDAK | 93        | 62.0    | 62.0        | 62.0              |
| YA    | 57        | 38.0    | 38.0        | 100.0             |
| Total | 150       | 100.0   | 100.0       |                   |

Sumber: Soal Selidik

Rajah 4.11: Carta Palang Item B5



Sumber: Soal Selidik

Berdasarkan jadual 4.10 di atas, seramai 57 atau 38% responden mengajar subjek pengajian hadith di universiti atau mana-mana institusi pengajian. Manakala responden yang lain berjumlah 93 orang (62%) mengajar lain-lain bidang pengajian. Antara sebab majoriti responden tidak mengajar pengajian hadith di universiti atau mana-mana institusi pengajian ialah kerana kajian ini bukan hanya melibatkan responden dalam bidang hadith, malah dalam bidang yang lain juga.



Antara contoh-contoh subjek yang diajar di universiti ialah ilmu *takhrij*, hadith-hadith hukum, *manhaj al-muhaddithin*, *'Ulum al-Hadith*, *al-Jarh wa al-Ta'dil*, Isu-Isu Semasa Pengajian Hadith, Karya Utama Pengajian Hadith, *Dirasah Manhajiyah fi 'Ilm Dirayah al-Matn* dan lain-lain. Pengajian subjek-subjek tersebut sama ada di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana atau Kedoktoran (UIA sahaja)<sup>17</sup>.

Ahli-ahli akademik yang mengajar subjek-subjek pengajian hadith ini turut memberi sumbangan dan mereka bertanggungjawab dalam membentuk para pelajar agar mengamalkan ajaran Islam yang bersumberkan dalil-dalil yang sahih. Mereka juga dapat mengenali dan mengetahui cara-cara untuk berinteraksi dengan *al-Sunnah*. Subjek-subjek tersebut dapat membantu para pelajar agar mempunyai pengetahuan yang secukupnya tentang *al-Sunnah*. Seterusnya dapat memupuk dalam diri pelajar cintakan sunnah Rasul Allah SAW dan mengamalkannya setiap masa. Oleh yang demikian, ini akan dapat mengelakkan diri mereka daripada beramal dengan bid'ah<sup>18</sup>.


## 2. Pengajaran di masjid, surau-surau dan lain-lain

**Jadual 2** Taburan Kekerapan Item B6

|       | KEKERAPAN | PERATUS | PERATUS SAH | PERATUS KUMULATIF |
|-------|-----------|---------|-------------|-------------------|
| TIDAK | 73        | 48.7    | 48.7        | 48.7              |
| YA    | 77        | 51.3    | 51.3        | 100.0             |
| Total | 150       | 100.0   | 100.0       |                   |

Sumber: Soal Selidik

Rajah 4.12: Carta Palang B6



Sumber: Soal Selidik

<sup>17</sup> Antara contoh subjek-subjek yang ditawarkan di UIA dan UM.

<sup>18</sup> Amran bin Abdul Halim: *Konsep Bidaah Menurut Hadith-Hadith al-Kutub al-Tis'ah: Kajian Persepsi Dalam Kalangan Ahli akademik di IPTA di Malaysia* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).



Berdasarkan jadual di atas, bilangan responden yang terlibat mengajar pengajian hadith di masjid atau surau-surau adalah sebanyak 77 orang atau 51.3%. Manakala responden yang tidak terlibat atau mengajar pengajian yang lain adalah sebanyak 73 orang atau 48.7%.

Antara kitab-kitab hadith yang masyhur yang kebiasaannya diajar di masjid-masjid atau surau-surau ialah *Riyad al-Salihin*, Hadith Empat Puluh oleh Imam al-Nawawi, '*Ulum al-Hadith*, *Fadilat Amal*, *Muntakhab al-Hadith*, hadith-hadith hukum dan lain-lain. Pengajar-pengajar tersebut terdiri daripada guru-guru agama, pendakwah, pegawai agama, ahli akademik dan lain-lain.

Pengajian hadith adalah masih rendah dan kurang diterapkan dalam masyarakat Islam terutama di masjid-masjid, surau-surau atau di kampung-kampung. Jikalau pun terdapat pengajian agama, ia hanya lebih kepada isu-isu semasa, akidah, feqah, tasawuf dan lain-lain. Pengajian hadith di tempat tersebut hanya tertumpu kepada kitab-kitab hadith pilihan seperti hadith empat puluh Imam al-Nawawi, kitab *Riyad al-Salihin* dan seumpamanya. Manakala tenaga pengajar pengajian hadith pula tidak meneroka kitab-kitab hadith yang lain yang lebih muktabar seperti *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim* dan lain-lain<sup>19</sup>.

Para cendekiawan Islam perlu memperbanyakkan pengajian hadith kepada umat Islam agar mereka mengenali hadith-hadith Rasul Allah SAW dengan lebih dekat dan terperinci lagi. Termasuk juga pengajian-pengajian agama yang lain perlu diterapkan di kalangan umat Islam yang semestinya bersumberkan al-Qur'an dan hadith<sup>20</sup>.

## PENUTUP

Berdasarkan analisis deskriptif soal selidik ini, dapat dirumuskan bahawa ahli akademik adalah terlibat dan turut memberi sumbangan dalam pengajaran hadith IPTA dan institusi-institusi pengajian yang lain, terutama sekali ahli akademik yang tahap kelulusannya dalam bidang hadith. Kajian ini juga turut mendapati bahawa ada dalam kalangan mereka sama ada dalam bidang hadith atau lain-lain bidang juga turut memberi sumbangan pengajaran hadith di masjid-masjid, surau-surau dan di mana-mana tempat yang tertentu

Berdasarkan perkara tersebut, kajian ini juga mendedahkan bahawa kebanyakan ahli akademik mempunyai pengetahuan yang baik berkaitan dengan bidang hadith. Oleh itu, mereka adalah antara ahli cendekiawan yang ulung yang sangat sesuai dijadikan sebagai rujukan masyarakat dalam menyelesaikan isu dan segala masalah masyarakat Islam sekarang, terutama sekali ahli akademik yang pakar dalam bidang hadith, tafsir dan fiqh serta lain-lain bidang. Ini bagi mengelakkan salah faham yang boleh berlaku tentang hadith dan sunnah.<sup>21</sup>

Justeru, adalah menjadi tanggungjawab dan amat penting buat para cendekiawan Islam seperti ahli akademik ini agar dapat menerapkan pengajaran atau pendidikan hadith yang sepatutnya mengikut disiplin ilmu hadith dalam masyarakat Islam. Umpamanya, '*Ulum al-Hadith* atau ilmu Mustalah Hadith adalah sebagai ilmu alat atau penapis maklumat dalam pengajian hadith. Ia juga penting supaya masyarakat Islam dapat mengetahui dengan jelas status dan darjat hadith-hadith yang dipelajari, sama ada diterima atau ditolak iaitu sahih, *hasan* atau daif. Seterusnya mereka akan dapat beramal dengan hadith-hadith *maqbul* sahaja dan menjauhi yang *mardud*<sup>22</sup>. Selain itu, mereka juga perlu meneroka

<sup>19</sup> A. Irwan Santeri Doll Kawaid (PhD, Fakulti Al-Qur'an dan Al-Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 4 Disember 2012.

<sup>20</sup> Amran bin Abdul Halim: *Konsep Bidaah Menurut Hadith-Hadith al-Kutub al-Tis'ah: Kajian Persepsi Dalam Kalangan Ahli akademik di IPTA di Malaysia* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

<sup>21</sup> Sebagai contoh: Azmi, Ahmad Sanusi, Zulhilmi Mohamed Nor, Amiruddin Mohd Sobali, and Mohd Yusuf Ismail. "Kritikan Terhadap Rasulullah Dan Al-Quran: Analisis Karya Non-Muslim Zaman Umawiyah Dan Abbasiyyah." (2017) dan Azmi, Ahmad Sanusi, Mohd Yusuf Ismail, And Zulhilmi Mohamed Nor. "Gerakan Anti Hadith Moden: Kajian Terhadap Penyebaran Pemikiran Melalui Internet." *Jurnal Penyelidikan Islam* 24, no. 1 (2011): 185-204.

<sup>22</sup> Ahammad Asmadi bin Sakat (PhD, Jabatan Al-Qur'an dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 6 Februari 2013.



kitab-kitab hadith yang muktabar seperti *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Abu Dawud* dan lain-lain. Senario yang berlaku terhadap pengajian hadith dalam masyarakat lebih tertumpu kepada pengajian tidak formal di masjid-masjid atau surau-surau melibatkan kitab-kitab hadith pilihan yang tertentu sahaja seperti hadith empat puluh Imam al-Nawawi, *Riyad al-Salihin*, kitab-kitab jawi dan sebagainya<sup>23</sup>.

Sejak kebelakangan ini, terutama di IPT Malaysia sudah ada pengajian hadith mengikut metod pengajian hadith dan disiplin ilmu hadith, tetapi tiada pengajian khusus kitab-kitab hadith muktabar. Pengajian hadith hanya lebih tertumpu kepada hadith pilihan, iaitu hadith-hadith yang dipilih oleh pensyarah dari mana-mana kitab hadith. Perkara ini berlaku adalah disebabkan oleh kekangan masa. Oleh itu, hal ini boleh menyebabkan para pelajar kurang mendapat bimbingan, maklumat dan pengetahuan dalam bidang pengajian hadith. Akhirnya mereka kurang berpengetahuan dan kurang kemahiran dalam bidang hadith sama ada dalam kelas atau luar kelas. Oleh yang demikian, pengajian hadith telah wujud di universiti, tetapi kurang dalam masyarakat<sup>24</sup>.

## Rujukan

‘Abd al-Karim Zaydan, *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1987)

Abu Dawud, Sulayman ibn al-Asy‘ath ibn Ishaq al-Azdi al-Sijistani, *Sunan Abu Dawud* (Beirut: Dar Ihya’ al-Sunnah al-Nabawiyah, t.t.)

Abu Yusuf Sulayman, *Al-Mustalahat al-Hadithiyyah* (t.t.p: Al-Ma‘had al-Dawli li al-Bunuk wa al-Iqtisad al-Islami, t.t.)

Amran bin Abdul Halim, *Hadith-hadith berkaitan Bid‘ah: Analisis terhadap hadith-hadith Sunan al-Sittah*. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007)

Azmi, Ahmad Sanusi, Zulhilmi Mohamed Nor, Amiruddin Mohd Sobali, and Mohd Yusuf Ismail. "Kritikan Terhadap Rasulullah Dan Al-Quran: Analisis Karya Non-Muslim Zaman Umawiyah Dan Abbasiyyah." (2017)

Azmi, Ahmad Sanusi, Mohd Yusuf Ismail, And Zulhilmi Mohamed Nor. "Gerakan Anti Hadith Moden: Kajian Terhadap Penyebaran Pemikiran Melalui Internet." *Jurnal Penyelidikan Islam* 24, no. 1 (2011): 185-204.

Budah@Udah bin Mohsin dan Jawiah Dakir, *Kumpulan Hadith Masyhur, Edisi Kedua* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008)

Hassan, Syed Najihuddin Syed, Zulhilmi Mohamed Nor, Ahmad Sanusi Azmi, Noor Najihan Jaafar, and Mohd Zohdi Mohd Amin. "Laman Web Al-Durar Al-Saniyyah: Aplikasi Dan Keberkesanan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kajian Hadis Dalam Kalangan Pensyarah dan Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunah, USIM."

---

<sup>23</sup> Irwan Santeri Doll Kawaid (PhD, Fakulti Pengajian Al-Qur’an dan Al-Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 4 Disember 2012.

Shayuthy Abdul Manas (Prof Madya, Jabatan Al-Qur’an dan Al-Sunnah, Fakulti Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa), dalam temubual dengan penulis, 28 Mei 2013.

<sup>24</sup> Shayuthy Abdul Manas (Prof Madya, Jabatan Al-Qur’an dan Al-Sunnah, Fakulti Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa), dalam temubual dengan penulis, 28 Mei 2013.





Ibrahim ibn. Musa al-Syatibi, *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1991), 4:3. Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *Al-Sunnah qabl al-Tadwin* (Dimasyq: Dar al-Fikr, 1981)

Isma'il Abdullah dan Shayuthy Abd Manas, "Dawabit Ma'rifah al-Wad' fi Matn al-Hadith al-Nabawi: Al-Manar al-Munif Ibn Qayyim al-Jawziyyah Namudhajan," *Junal Usuluddin* 19 (Julai 2004)

Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *Al-Sunnah qabl al-Tadwin*, c. 2 (Beirut: Dar al-Fikr, 1981)

Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi, *Ittijahat fi Dirasat al-Sunnah Qadimuha wa Hadithuha* (Bangi: Dar al-Shakir, 2011)

Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *Usul al-Hadith: Ulumuh wa Mustalahuh*, c. 4 (Beirut: Dar al-Fikr, 1981), 25. 'Izz al-Din Baliq, *Minhaj al-Salihin min Ahadithi wa Sunnati Khatam al-Anbiya' wa Mursalin* (Kaherah: Maktabah al-Zahra' lil Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi', t.t.)

Muhammad ibn 'Isa al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi* (Beirut: Dar al-Fikr, 1994)

Muhammad ibn Yazid al-Qazwini, *Sunan Ibn Majah* (Al-Qahirah: Dar al-Hadith 1994)  
Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam* (Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009)

Faisal Ahmad Shah (PhD, Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), dalam temubual dengan penulis, 7 April 2013.

Jawiah Dakir (Prof Dr, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 21 Februari 2013.

Yabi, Shumsudin, Aminudin Basir, Akila Mamat, and Muhammad Yofef Niteh. "طرق تلقي الحديث عند الصحابة في حياته صلى الله عليه وسلم (Methods of Sahaba in Receiving the Hadith from Prophet Muhammad)." *Journal Of Hadith Studies* 2, no. 1 (2017).

Yahya, Muhammad Arif. "Sumbangan Ahl Al-Hadith Dan Peranannya Dalam Membangun Ketamadunan Islam." *Journal Of Hadith Studies* 1, no. 1 (2016).